



**KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA**

KENYATAAN MEDIA

DASHBOARD ANALITIK DATA BUMIPUTERA

**DASHBOARD ANALITIK DATA BUMIPUTERA: PLATFORM
SETEMPAT PEMANTAUAN SOSIOEKONOMI BUMIPUTERA**

PUTRAJAYA, 6 JULAI 2026 – Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) terus memperkukuh penyampaian statistik rasmi negara melalui pembangunan Dashboard Analitik Data Bumiputera, iaitu sebuah platform setempat yang menghimpunkan pelbagai statistik sosioekonomi Bumiputera secara lebih tersusun, mudah dicapai, interaktif dan mesra pengguna.

Pembangunan Dashboard Analitik Data Bumiputera merupakan antara inisiatif berterusan oleh DOSM dalam memperluas capaian kepada statistik rasmi melalui penggunaan platform digital. Dashboard ini dibangunkan bagi memudahkan pengguna mendapatkan statistik utama berkaitan Bumiputera secara lebih pantas, sistematik dan komprehensif, khususnya bagi menyokong pemantauan kedudukan sosioekonomi Bumiputera.

Dashboard Analitik Data Bumiputera dibangunkan secara berfasa, dengan fasa pertama memberikan tumpuan kepada penyediaan statistik rasmi yang boleh dicapai oleh pengguna umum. Melalui platform ini, pengguna boleh merujuk pelbagai statistik dalam bidang demografi, pendidikan, tenaga buruh, pendapatan isi rumah, kemiskinan serta indikator sosioekonomi lain yang berkaitan.

Bagi memudah cara kefahaman pengguna, dashboard ini menyediakan paparan visualisasi data yang interaktif dan lebih mudah diteroka. Penyampaian data melalui carta, grafik dan paparan indikator utama membolehkan pengguna melihat corak, trend dan pola pembangunan Bumiputera dengan lebih cepat, jelas dan berkesan. Pendekatan ini turut membantu pengguna membuat perbandingan serta memahami perkembangan sesuatu indikator dalam konteks yang lebih menyeluruh.

Data dan statistik yang dipaparkan dalam Dashboard Analitik Data Bumiputera diperoleh daripada pelbagai sumber, termasuk sumber data primer iaitu banci dan survei yang dilaksanakan oleh DOSM serta bersumberkan data pentadbiran dari pelbagai kementerian dan agensi berkaitan. Penghimpunan data daripada pelbagai sumber ini membolehkan dashboard berperanan sebagai rujukan berpusat bagi menyokong pemantauan pembangunan Bumiputera secara lebih bersepadu.

Dashboard ini turut menyokong keperluan pemantauan Agenda Pemerkasaan Bumiputera 2035 (PuTERA35) melalui penyediaan statistik rasmi yang berkualiti, relevan dan boleh dipercayai. Maklumat yang disediakan dapat membantu proses perancangan, pelaksanaan, pemantauan dan penilaian dasar berasaskan bukti, khususnya dalam mengenal pasti kedudukan semasa, jurang pembangunan serta ruang penambahbaikan berkaitan sosioekonomi Bumiputera.

Dari aspek pembangunan, Dashboard Analitik Data Bumiputera dibangunkan dengan memanfaatkan kepakaran dalaman DOSM (*in-house*). Pembangunan ini mencerminkan keupayaan DOSM dalam menggabungkan kepakaran statistik rasmi dengan pendekatan pengurusan data, analitik data dan sains data bagi menghasilkan platform digital yang menyokong penyampaian statistik secara lebih interaktif, sistematik dan berasaskan keperluan pengguna.

DOSM akan terus memperkukuh penyampaian statistik rasmi negara melalui penggunaan teknologi digital, inovasi analitik dan kerjasama strategik bersama kementerian serta agensi kerajaan. Seiring dengan perkembangan Agenda Pemerkasaan Bumiputera 2035 (PuTERA35), Dashboard Analitik Data Bumiputera akan diperkasakan dari semasa ke semasa melalui pembangunan fasa-fasa seterusnya bagi menyediakan liputan statistik yang lebih menyeluruh, berkualiti dan berimpak tinggi kepada pengguna.

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) sedang melaksanakan **Banci Ekonomi 2026 (BE2026)** dengan tema “**Data Nadi Ekonomi Rakyat**”. Pelaksanaan Banci Ekonomi kali keenam ini berlangsung dari **5 Januari hingga 31 Oktober 2026**. BE2026 bertujuan untuk mengumpul data yang menyeluruh dan berstruktur daripada semua pertubuhan perniagaan berdaftar dan tidak berdaftar di Malaysia, bagi menilai prestasi, struktur serta ciri-ciri ekonomi negara secara komprehensif dan berasaskan bukti.

Malaysia buat julung kalinya telah menduduki **tangga pertama (1)** di peringkat global dalam laporan dwi-tahunan **Open Data Inventory (ODIN) 2024/25** yang dikeluarkan oleh Open Data Watch (ODW), mengatasi 197 negara lain. Pencapaian ini merupakan lonjakan ketara daripada kedudukan ke-67 dalam penilaian ODIN 2022/23.

OpenDOSM NextGen adalah medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

Dikeluarkan oleh:

PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA
JABATAN PERANGKAWAN MALAYSIA
6 JULAI 2026



MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

MEDIA STATEMENT

BUMIPUTERA DATA ANALYTICS DASHBOARD

BUMIPUTERA DATA ANALYTICS DASHBOARD: A ONE-STOP PLATFORM FOR MONITORING BUMIPUTERA SOCIOECONOMIC DEVELOPMENT

PUTRAJAYA, 6 JULY 2026 – The Department of Statistics Malaysia (DOSM) continues to strengthen the delivery of the country's official statistics through the development of the Bumiputera Data Analytics Dashboard, a one-stop platform that brings together various socioeconomic statistics on Bumiputera in a more structured, accessible, interactive and user-friendly manner.

The development of the Bumiputera Data Analytics Dashboard is part of DOSM's ongoing initiatives to expand access to official statistics through digital platforms. The dashboard was developed to enable users to obtain key statistics related to Bumiputera more quickly, systematically and comprehensively, particularly in supporting the monitoring of Bumiputera socioeconomic development.

The Bumiputera Data Analytics Dashboard is being developed in phases, with the first phase focusing on the provision of official statistics that can be accessed by the general public. Through this platform, users can refer to various statistics in the areas of demography, education, labour force, household income, poverty, as well as other relevant socioeconomic indicators.

To facilitate users' understanding, the dashboard provides interactive data visualisations that are easier to explore. The presentation of data through charts, graphics and key indicator displays enables users to identify patterns, trends and developments related to Bumiputera more quickly, clearly and effectively. This approach also helps users make comparisons and understand the development of specific indicators within a broader context.

The data and statistics displayed in the Bumiputera Data Analytics Dashboard are obtained from various sources, including primary data sources such as censuses and surveys conducted by DOSM, as well as administrative data from various ministries and relevant agencies. The integration of data from multiple sources enables the dashboard to serve as a centralised reference point to support more integrated monitoring of Bumiputera development.

The dashboard also supports the monitoring needs of the Bumiputera Empowerment Agenda 2035 (PuTERA35) through the provision of high-quality, relevant and reliable official statistics. The information provided can support evidence-based policy planning, implementation, monitoring and evaluation, particularly in identifying the current position, development gaps and areas for improvement related to Bumiputera socioeconomic development.

In terms of development, the Bumiputera Data Analytics Dashboard was developed by leveraging DOSM's in-house expertise. This development reflects DOSM's capability in combining official statistics expertise with data management, data analytics and data science approaches to produce a digital platform that supports the delivery of statistics in a more interactive, systematic and user-oriented manner.

DOSM will continue to strengthen the delivery of the country's official statistics through the use of digital technology, analytical innovation and strategic collaboration with ministries and government agencies. In line with the progress of the Bumiputera Empowerment Agenda 2035 (PuTERA35), the Bumiputera Data Analytics Dashboard will be enhanced from time to time through subsequent development phases to provide more comprehensive, high-quality and impactful statistical coverage for users.

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) is conducting the **Economic Census 2026 (BE2026)**, with themed **“Data Nadi Ekonomi Rakyat”**. The sixth Economic Census will be carried out from **5th January to 31st October 2026**. BE2026 aims to collect comprehensive and structured data from all registered and unregistered business establishments in Malaysia to assess the nation's economic performance, structure and characteristics in an evidence-based manner.

Malaysia has, for the first time, successfully secured the top position globally in the biennial **Open Data Inventory (ODIN) 2024/25** report released by Open Data Watch (ODW), surpassing 197 other countries. This achievement marks a significant leap from its 67th position in the ODIN 2022/23 assessment.

OpenDOSM NextGen is a medium that provides data catalogue and visualisations to facilitate users' analysis and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.

Released by:

THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA
6 JULY 2026